



PRAKTIS PERKASA SPM 2024
JABATAN PELAJARAN NEGERI PAHANG



SIJIL PELAJARAN MALAYSIA

3756/1

PRINSIP PERAKAUNAN

Kertas 1 / Set 2

1 1/4 jam

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi **40** soalan.
2. Jawab **semua** soalan.
3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C** dan **D**.
Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan
4. Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat.
Kemudian hitamkan jawapan yang baru.
5. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan.

Kertas soalan ini mengandungi 13 halaman bercetak

- 1 Pernyataan di bawah berkaitan subbidang perakaunan.

Kerja-kerja pemeriksaan dokumen perniagaan dan rekod kewangan dilakukan untuk mengesahkan rekod perakaunan adalah betul dan tepat.

Apakah subbidang tersebut?

- A** Percukaian
- B** Pengauditan
- C** Perakaunan Kewangan
- D** Perakaunan Pengurusan

- 2 Antara berikut, yang manakah kepentingan Sistem Maklumat Perakaunan kepada entiti perniagaan?

- I Meningkatkan kod etika pada pekerja yang terlibat dalam perakaunan.
- II Menjamin peluang pekerjaan yang lebih baik dalam bidang perakaunan.
- III Menyediakan kawalan secukupnya untuk menjaga keselamatan aset perniagaan.
- IV Membolehkan juruaudit memahami sistem yang digunakan untuk menghasilkan Penyata Kewangan.

- A** I dan II
- B** I dan IV
- C** II dan III
- D** III dan IV

- 3 Maklumat berikut diambil daripada Perniagaan Dewi.

Perniagaan Dewi telah merekodkan Insurans RM3600 dalam Penyata Kewangan perniagaan tanpa mengambil kira Insurans Prabayar.

Apakah prinsip perakaunan yang dipatuhi?

- A** Ketekalan
- B** Prinsip kos
- C** Wang sebagai ukuran
- D** Pengiktirafan hasil dan belanja

- 4 Apakah komponen yang terdapat di dalam Penyata Pendapatan?

- I Deposit kadar bayaran
- II Simpanan tetap
- III Alat tulis
- IV Utiliti

- A** I dan II
- B** I dan IV
- C** II dan III
- D** III dan IV

- 5 Antara berikut, manakah merupakan aset semasa perniagaan?

A Gadai janji
B Simpanan tetap
C Komisen belum terperoleh
D Kadar bayaran belum bayar

- 6 Maklumat berikut diperoleh daripada buku perniagaan perabot.

Kedai Perabot Lada menjual almari bernilai RM4 500 dengan harga RM5 000 secara kredit kepada pelanggan.

Apakah kesan urus niaga tersebut terhadap persamaan perakaunan?

	Inventori	Akaun Belum Terima	Modal
A	4 500	5 000	500
B	5 000	(500)	4 500
C	(4 500)	5 000	500
D	4 500	(5 000)	(500)

- 7 Aliran dokumen berikut berlaku dalam urus niaga secara kredit.

Pesanan Belian → Invois → Tunai → **A**

Apakah **A**?

A Memo
B Resit rasmi
C Keratan cek
D Penyata akaun

- 8 Perbualan berikut berlaku antara peniaga dengan pekerjaanya.

Peniaga	: Tasnim, tolong rekodkan nota debit yang baru saya terima ini daripada Pembekal Tan.
Pekerja	: Baiklah, Encik Aryan.

Apakah buku catatan pertama yang terlibat dalam urus niaga yang dinyatakan?

A Jurnal Belian
B Jurnal Jualan
C Jurnal Pulangan Belian
D Jurnal Pulangan Jualan

- 9 Dokumen di bawah ini diterima oleh Puan Kirana.

ASAL	INVOIS MEGAH BERHAD Lot 21, Jalan Jaya, 28000 Temerloh, Pahang Tel : 04-9676900	No : 2024 Tarikh : 05 Ogos 2024		
Kepada Puan Kirana 10 Jalan Sentosa 3, 68000 Ampang, Selangor				
Bil	Butir	Kuantiti	Harga Sekotak (RM)	Jumlah (RM)
1	Buah naga gred 1	100	84.00	8 400
Jumlah				8 400
Ringgit Malaysia : Lapan Ribu Empat Ratus Sahaja. Syarat : 5% 7 hari, 2% 14 hari Serahan: Angkutan dibayar K & K di K <i>Kirana</i> Penerima <i>Megah</i> Pengurus				

Berapakah diskaun tunai yang diperolehi sekiranya pembayaran dibuat pada 12 Ogos 2024?

- A** RM168
- B** RM252
- C** RM420
- D** RM588

- 10 Antara berikut manakah merupakan akaun nominal?

- I Akaun Premis
- II Akaun Dividen
- III Akaun Pinjaman
- IV Akaun Sewa Diterima

- A** I dan II
- B** I dan III
- C** II dan IV
- D** III dan IV

- 11 Jurnal berikut diperoleh daripada Gemilang Enterprise.

Tarikh	Butir	Folio	Debit	Kredit
2024 Jun 1	Tunai Bank Kenderaan Modal (Aset dan modal pada tarikh ini)		RM 2 000 10 000 25 000	RM 37 000

Apakah jenis urus niaga yang direkodkan dalam Jurnal Am di atas?

- A Catatan pelarasan
- B Catatan penutupan
- C Catatan pembukaan
- D Catatan modal tambahan

- 12 Maklumat berikut diperoleh daripada Kedai Syakila.

Baki Buku Tunai pada 1 Jun 2024	
	RM
Tunai di tangan	350
Overdraf bank	1 145

Buku Tunai (petikan)							
Tarikh	Butir	Tunai	Bank	Tarikh	Butir	Tunai	Bank
2024 Jun 15 20	Jualan Tunai Kedai Ann	RM 720	RM 300 1 500	2024 Jun 6 15 28	Belian Bank Gaji	RM 300	RM 480 500

Berapakah baki akhir Buku Tunai Kedai Syakila?

- A Tunai RM420, Bank RM820
- B Tunai RM770, Bank RM820
- C Tunai RM420, Overdraf Bank RM325
- D Tunai RM770, Overdraf Bank RM325

- 13 Petikan akaun berikut diperoleh daripada Lejar Perniagaan Zayyan.
Cemilia

	2024	RM
	Jan 1 Baki b/b	2000

Apakah urus niaga bagi menerangkan catatan di atas?

- A Kedai Zayyan membayar RM2 000 kepada Cemilia
- B Cemilia membayar RM2 000 kepada Perniagaan Zayyan
- C Perniagaan Zayyan masih berhutang RM2 000 kepada Cemilia
- D Cemilia masih berhutang RM2 000 kepada Perniagaan Zayyan

- 14 Berikut sebahagian dari Buku Tunai Runcit Perniagaan Mawar yang mengamalkan sistem panjar.

Tarikh	Butir	Folio	Debit	Kredit	Analisis Pembayaran	
2024			RM	RM	Alat tulis	Tambang
Jan 1	Baki b/b Bank		30 X			
15	Kertas taip			60	60	
22	Tambang teksi			36		36
25	Sampul surat			11	11	
			200	107	71	36

Hitungkan nilai X .

- A RM93
- B RM107
- C RM170
- D RM200

- 15 Berikut adalah Akaun Kawalan yang disediakan oleh kerani akaun Perniagaan Aqif.

Akaun Kawalan Belum Terima					
2024		RM	2024		RM
Mac 1	Baki b/b	140	Mac 31	Bank	14 500
31	Jualan	17 860	31	Kontra	660
				Z	400
				Baki h/b	2 300
		18 000			18 000
Apr 1	Baki b/b	2 300			

Apakah Z?

- A Belian
- B Pulangan masuk
- C Angkutan masuk
- D Faedah dikenakan

- 16 Maklumat berikut merupakan analisis kad inventori Mawar Trading.

Jenis Barang	Baki Awal (Kotak)	Masuk (Kotak)	Keluar (Kotak)	Harga Kos (RM)	Harga Pasaran (RM)
Vitamin C	25	155	80	25	50
Vitamin E	30	200	120	35	30

Berapakah nilai inventori akhir?

- A RM5 800
- B RM6 350
- C RM8 300
- D RM8 850

- 17 Berikut ialah petikan Imbangan Duga Perniagaan Nur Iman.

Imbangan Duga pada 31 Disember 2023		
	Debit	Kredit
	RM	RM
Modal		85 000
Jualan		24 310
X	150	
Y		214

Apakah X dan Y?

	X	Y
A	Ambilan	Angkutan Keluar
B	Diskaun Diterima	Akaun Belum Terima
C	Pulangan Masuk	Komisen Diterima
D	Overdraf bank	Pulangan Keluar

- 18 Maklumat berikut diperolehi daripada buku Perniagaan Leong.

	RM
Jualan Tunai	8 760
Jualan Kredit	48 990

Berapakah nilai jualan yang akan dipindahkan ke Akaun Perdagangan?

- A RM8 760
 B RM40 230
 C RM48 990
 D RM57 750
- 19 Maklumat berikut diperolehi daripada Perniagaan Encik Kamil.

	RM
Inventori awal	2 320
Inventori akhir	2 780
Belian	9 720
Diskaun diterima	680
Pulangan keluar	440
Angkutan jualan	360
Pulangan masuk	520

Hitungkan kos jualan Perniagaan Encik Kamil?

- A RM8 740
 B RM8 820
 C RM9 260
 D RM9 340



- 20 Petikan Penyata Kedudukan Kewangan yang berikut diambil daripada Kedai Chandran.

Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2023

	RM	RM
Aset Semasa		
Inventori	12 400	
Akaun belum terima	6 400	
		18 800
Tolak : Liabiliti Semasa		
Akaun belum bayar		(5 400)
X		13 400

Apakah X?

- A** Modal awal
B Modal kerja
C Modal akhir
D Modal tambahan
- 21 Bagaimanakah akaun hasil ditutup pada akhir tempoh kewangan?
- A** Memindahkan baki hasil ke akaun modal.
B Memindahkan baki hasil ke akaun belanja.
C Memindahkan baki hasil ke akaun inventori.
D Memindahkan baki hasil ke akaun untung rugi.
- 22 Apakah tujuan utama peruntukan hutang ragu?
- A** Untuk menyesuaikan jumlah yang dihutang dengan jumlah yang diterima.
B Untuk memastikan semua hutang dipungut pada akhir tempoh kewangan.
C Untuk menganggarkan nilai hutang yang mungkin tidak dapat dituntut.
D Untuk menambah jumlah keuntungan syarikat.
- 23 Azhan Enterprise membeli sebuah lori bernilai RM49 000. Penggunaan lori dijangka selama 10 tahun. Pada akhir tempoh penggunaan, nilai skrap lori dianggarkan sebanyak RM7 000. Berapakah susut nilai tahunan lori tersebut?
- A** RM 1 190
B RM 4 200
C RM 4 900
D RM 5 600

- 24 Antara berikut, yang manakah kesilapan catatan dalam Imbangan Duga?

	Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
I	Modal	25 000	
II	Ambilan	250	
III	Diskaun diberi	370	
IV	Hutang lapuk		560

- A** I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

- 25 Pilih padanan yang **betul**.

	Butiran	Komponen
A	Kadar Bayaran Prabayar	Liabiliti Semasa
B	Sewa Belum Terima	Liabiliti Semasa
C	Inventori Alat tulis	Aset Semasa
D	Komisen Belum Terperoleh	Aset Semasa

- 26 Maklumat berikut diperoleh daripada Perniagaan Sakinah.

	RM
Untung Kasar	17 500
Untung Bersih	12 600

Maklumat Tambahan

Angkutan masuk telah direkod sebagai angkutan keluar sebanyak RM1 200.

Apakah kesan ke atas untung setelah kesilapan dibetulkan?

	Untung Kasar	Untung Bersih
A	Berkurang RM1 200	Tiada kesan
B	Bertambah RM1 200	Tiada kesan
C	Berkurang RM1 200	Berkurang RM1 200
D	Bertambah RM1 200	Bertambah RM1 200

- 27 Antara berikut, situasi manakah yang merujuk kepada rekod tak lengkap?

- A** Rekod perakaunan telah musnah.
B Tiada kawalan tunai dalam perniagaan.
C Peniaga tidak merancang perbelanjaan dengan baik.
D Jumlah Imbangan Duga tidak dihitung dengan tepat.

- 28 Nisbah Semasa bagi Perniagaan Qaseh Sayang adalah seperti berikut:

	2020	2021	2022	2023
Nisbah Semasa	4.1 : 1	4.5 : 1	5.4 : 1	5.7 : 1


Tahun manakah yang menunjukkan keupayaan Perniagaan Qaseh Sayang membayar hutang jangka pendeknya paling baik?

- A 2020
 B 2021
 C 2022
 D 2023
- 29 Kaedah yang manakah digunakan untuk menentukan pendapatan perniagaan yang mengamalkan rekod tak lengkap?

- I Kaedah Analisis
 II Kaedah Pengawalan
 III Kaedah Perbandingan
 IV Kaedah Penilaian Semula

- A I dan II
 B I dan III
 C II dan IV
 D III dan IV

30



Rajah di atas berkaitan dengan kaedah Kawalan Tunai. Apakah **P**?

- A Penyata Bank
 B Penerimaan Tunai
 C Pembayaran Tunai
 D Penyata Penyesuaian Bank

- 31 Butiran manakah yang dicatatkan di bahagian pembayaran dalam belanjawan tunai?

A Hutang ragu
B Susut nilai kenderaan
C Ansuran pinjaman bank
D Belian kenderaan secara kredit

32

Butiran	RM
Baki b/b	3 300
Jualan	2 000
Akaun Belum Terima	4 540
Belian	1 500
Akaun Belum Bayar	2 200
Belanja Am	120
Upah	500

Hitung baki akhir Belanjawan tunai Perniagaan Ismail Trading.

A RM 2 220
B RM 5 520
C RM 5 760
D RM 8 520

- 33 Pernyataan manakah yang menunjukkan ciri sebuah milikan perkongsian?

A Hayat perniagaan tamat apabila salah seorang pekongsi meninggal dunia.
B Bilangan ahli maksimum 20 orang bagi semua jenis perkongsian.
C Keuntungan diagihkan kepada pekongsi dalam bentuk dividen.
D Cukai dikenakan ke atas pendapatan perniagaan.

- 34 Butiran manakah yang didebitkan ke Akaun Pengasingan Untung Rugi?

A Faedah atas modal, gaji pekongsi dan ambilan.
B Faedah atas modal, gaji pekongsi dan bonus pekongsi.
C Faedah atas pinjaman, gaji pekongsi dan untung bersih.
D Faedah atas pinjaman, faedah atas ambilan dan bonus pekongsi.

- 35 Akaun Modal Azlina mempunyai baki kredit sebanyak RM3 500 semasa tarikh pembubaran. Beliau perlu menanggung rugi realisasi sebanyak RM1 800 dan bersetuju mengambil alih sebuah komputer pada harga RM2 100.

Berapakah jumlah tunai yang perlu dibawa masuk oleh Azlina untuk menanggung kurangan modalnya?

A RM 400
B RM 1 800
C RM 3 900
D RM 5 300

- 36 Maklumat berikut telah diambil daripada buku Syarikat Nafisa Berhad.

Modal diterbitkan dan Berbayar Penuh

3 000 000 unit 7% Syer Keutamaan RM1 Sesyer
3 000 000 unit Syer Biasa RM0.50 Sesyer

Hitung Modal diterbitkan dan Berbayar Penuh.

- A RM 1 500 000
- B RM 3 000 000
- C RM 3 600 000
- D RM 4 500 000

- 37 Maklumat berikut diperoleh daripada Syarikat Pemanis Berhad bagi tahun berakhir 31 Disember 2023.

700 000 unit Syer Biasa bernilai RM1.00 sesyer
300 000 unit 6% Syer Keutamaan bernilai RM1.00 sesyer
Lembaga Pengarah mengisytiharkan dividen Syer Biasa sebanyak 25 sen sesyer

Berapakah jumlah dividen Syer Biasa?

- A RM1 000 000
- B RM700 000
- C RM355 000
- D RM175 000

- 38 Bendahari Kelab Badminton Kuantan memberikan maklumat berikut pada 31 Ogos 2023.

	RM
Yuran	Y
Yuran masuk	2 600
Utiliti	1 300
Yuran Pertandingan Badminton	6 500
Hadiah Pertandingan Badminton	1 800
Sewa	3 600
Insurans	1 200

Maklumat tambahan: Yuran masuk dianggap pendapatan hasil.

Jika kelab memperoleh lebihan pendapatan sebanyak RM 13 900, hitung nilai Y.

- A RM 7 900
- B RM 9 100
- C RM 12 700
- D RM 15 300

- 39 Apakah rumus yang tepat bagi pengiraan dana terkumpul?
- A** Aset – Liabiliti
 - B** Aset + Liabiliti
 - C** Aset Semasa - Liabiliti Semasa
 - D** Aset Semasa + Liabiliti Semasa
- 40 Item manakah yang diambil kira dalam menghitung kos prima?
- A** Gaji operator kilang
 - B** Gaji pengurus kilang
 - C** Susut nilai mesin kilang
 - D** Sewa bangunan pejabat

KERTAS SOALAN TAMAT